



Prof Mohd Fauzi (tengah) bertanya sesuatu kepada sebahagian daripada penyelidik selepas **Majlis Pelancaran Produk Inovasi FSKTM**, baru-baru ini.

UPM lancar lapan produk inovasi

Serdang: Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan lapan produk inovasi sebagai langkah mempromosi dan menghebahkan kesediaan produk berkenaan untuk menembusi pasaran tempatan serta antarabangsa.

Produk berkenaan ialah FoodPin dan HealthLink ciptaan Prof Madya Dr Marzanah A Jabar; Quantum Communication Simulator (Prof Madya Dr Zuriati Ahmad Zukarnain) dan

CASD-PAC System (Prof Madya Dr Rahmita Wirza O.K. Rahmat).

Produk lain, inovasi Touch and Grow oleh Dr Puteri Suhaiza Sulaiman, ExpoUni (Dr Rohaya Latip), Learning Outcome-based Question Examination Tool (Dr Sa'adah Hassan) dan Scarf@Equation (Dr Azree Nazri).

Promosi R&D

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata pelancaran produk FSKTM selaras usaha

universiti untuk mempromosikan lagi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) seterusnya menyumbang kepada komuniti serta negara.

Beliau berkata, langkah itu seiring dengan pelbagai usaha dijalankan UPM bagi menyokong R&D secara berterusan termasuk menyediakan Geran Penyelidikan Pasaran kepada penyelidik di bawah Program InnoHub Putra Science Park.

"InnoHub bertujuan memupuk bakat keusahawanan dalam kalangan graduan bagi melaksanakan validasi pasaran bagi teknologi inovasi R&D yang memiliki potensi besar," katanya.